

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 14.10.2019 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa jumlah rumah PPRT yang telah dibina di kawasan Parlimen Igan untuk tahun 2019 serta kos yang terlibat. Berapakah lagi yang dalam perancangan akan di bina baru dan apakah kriteria untuk mendapatkan rumah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman jumlah Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang telah diperuntukkan bagi Parlimen Igan pada tahun 2019 adalah sebanyak 13 unit bina baharu dan 76 unit baik pulih melibatkan peruntukan sebanyak RM2.204 juta.
2. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2 unit bina baharu dan 28 unit baik pulih telah siap sepenuhnya. Manakala, 11 unit bina baharu dan 48 unit baik pulih masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan dan dijangka selesai pelaksanaan selewat-lewatnya pada akhir tahun 2019.
3. Kriteria kelayakan penerima bantuan adalah seperti yang digariskan dalam tatacara pelaksanaan PPRT iaitu disahkan sebagai miskin tegar atau miskin berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa yang berkuat kuasa serta mempunyai pemilikan penuh tapak rumah atau mendapat kebenaran bagi kes menumpang tanah milik orang lain/ tanah milik sebahagian.

Sekian, terima kasih.